



# MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT

## KENYATAAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor **BUMIPUTERA** yang berdaftar dengan MOF (**Kementerian Kewangan Malaysia**) serta Sijil Taraf Bumiputera oleh **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** dan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** di dalam bidang kerja berkenaan dan pendaftarannya masih berkuatkuasa untuk mengambil bahagian dan menjalankan kerja-kerja berikut:

| BUTIR-BUTIR TAWARAN  | TARAF SEBUT HARGA & SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN  | HARGA DOKUMEN TAWARAN                                   | TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN DIJUAL  | TARIKH, WAKTU DAN TEMPAT TAWARAN TUTUP  |
|--|--|---|---|---|
| <b>NO. SEBUT HARGA:MPKL/JKPM/07/05/2024</b><br>CADANGAN MEMBEKAL DAN MEMASANG PAPARAN "BILLBOARD" UNTUK MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT BAGI TAHUN 2025-2026 | <b>KKM Kod Bidang</b><br><b>222003</b><br><i>Bill Board</i><br><br><b>DAN</b><br><br><b>UPEN</b><br><i>Unit Perancang Ekonomi Negeri</i> | <b>RM150.00</b><br><br><b>**Tidak akan dikembalikan</b> | <b>Mulai :</b><br><b>05/07/2024 (JUMAAT)</b><br><b>Jam : 12.00 Tengahari</b><br><br><b>PENJUALAN SECARA ONLINE SAHAJA</b><br><br><b>Dokumen pelawaan boleh dimuat turun di laman sesawang <a href="https://tender.selangor.gov.my">https://tender.selangor.gov.my</a></b><br><br><b>**SILA KEMASKINI MAKLUMAT SYARIKAT DALAM LAMAN WEB <a href="https://tender.selangor.my">https://tender.selangor.my</a> UNTUK MELANCARKAN PROSES PEMBELIAN DOKUMEN PELAWAAN.</b> | <b>Tarikh Tutup:</b><br><b>15/07/2024 (ISNIN)</b><br><b>Sebelum atau Pada Jam 12.00 tengahari</b><br><br><b>UNIT PEROLEHAN DAN UKUR BAHAN</b><br>Majlis Perbandaran Kuala Langat Tingkat 1, PERSIARAN MAJLIS, JALAN SULTAN ALAM SHAH, 42700 BANTING, SELANGOR DARUL EHSAN.<br><br><b>**Sebut harga yang lewat diterima tidak akan dilayan</b> |

- Setiap dokumen sebut harga dijual dengan harga **RM 150.00** secara **ONLINE**. Pembayaran boleh dibuat secara kad kredit atau debit kad dan wang bayaran tidak akan dikembalikan.
- Dokumen meja tawaran dipamerkan mulai **05 JULAI 2024 (JUMAAT)** di Unit Perolehan dan Ukur Bahan , Majlis Perbandaran Kuala Langat, Tingkat 1, PERSIARAN MAJLIS, JALAN SULTAN ALAM SHAH, 42700 BANTING, SELANGOR.
- Penyebutharga perlu terlebih dahulu mendaftar secara **ONLINE** di laman sesawang <http://tender.selangor.gov.my> sebelum pembelian Dokumen Sebut harga dan mengemaskini maklumat pendaftaran **MOF** dan **UPEN**. Sekiranya gagal berbuat demikian adalah tidak layak untuk membeli Dokumen Sebut harga tersebut.
- Dokumen Sebut harga boleh dimuat turun melalui laman sesawang <http://tender.selangor.gov.my> dan **WAJIB** dibukukan / didokumentasikan.
- Dokumen Sebut harga yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam **SAMPUL SURAT BERLAKRI** dan dimasukkan ke dalam **PETI TENDER** seperti tertera di atas.
- Penghantaran Dokumen Sebut harga perlu disertakan bersama **RESIT PEMBAYARAN** sebagai bukti pembelian.
- Penyebutharga yang tidak mendapat apa-apa jawapan selepas 3 bulan dari tarikh tutup tawaran adalah dianggap tidak berjaya.
- Penyebutharga perlu mematuhi syarat-syarat yang terkandung di dalam Arahan Kepada Penyebutharga dan Syarat-syarat Sebut harga di dalam Dokumen Sebut harga sebelum mengemukakan Dokumen Sebut harga. Jika Dokumen Sebut harga yang dikemukakan didapati tidak mematuhi syarat-syarat tersebut, dokumen itu akan ditolak tanpa pertimbangan seterusnya.
- Dokumen Sebut harga yang lewat diterima dari tarikh dan masa berbangkit dengan apa jua sebab yang mungkin boleh dikemukakan, akan ditolak dan tidak dipertimbangkan.
- Tarikh tutup penjualan Dokumen sebut harga adalah pada **15 JULAI 2024 (ISNIN)**. Dokumen Sebut harga tidak akan dikeluarkan selepas dari waktu tersebut. Sebarang pertanyaan sila hubungi **UNIT PEROLEHAN & UKUR BAHAN** di Talian 03-38530303 sambungan 2503.

Disediakan oleh:

  
(NOR AZIDA BINTI AZMI)  
Penolong Jurutera  
Unit Perolehan dan Ukur Bahan  
Majlis Perbandaran Kuala Langat

Disemak dan Disahkan oleh:

  
(MUHAMMAD FAIZ BIN JAMBRI)  
Ketua Unit  
Unit Perolehan dan Ukur Bahan  
Majlis Perbandaran Kuala Langat